

06 FEB 2004

ZETI-RINGGIT

RINGGIT MASIH TIDAK TERSASAR BERBANDING MATA WANG UTAMA

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz menyatakan ringgit masih tidak tersasar berbanding mata wang rakan-rakan kongsi dagangan utama dan bergerak di sekitar nilainya yang seimbang.

"Ketika ini, data dan penilaian kami menunjukkan ianya tidak tersasar dan sejak enam tahun lalu, ia bergerak di sekitar tujuh peratus. Ianya berada di paras yang masih boleh diterima," katanya kepada pemberita selepas Syarahan Awam Kerusi Tun Ismail Ali mengenai "Menguruskan Ketidakstabilan Kewangan dan Kejutan Terhadap Pengglobalisasian Dunia."

Beliau berkata demikian ketika di tanya sama ada tambatan ringgit berbanding dolar AS akan dikaji semula memandangkan penurunan berterusan mata wang AS itu di pasaran mata wang terutamanya berbanding euro.

Dalam ucapannya, Dr Zeti berkata kadar pertukaran tambatan membuahkan hasil kepada Malaysia dari segi pertumbuhan ketara dalam kuantiti perdagangan dan aliran masuk pelaburan langsung asing yang kukuh. Dari segi perdagangan-wajaran, kadar pertukaran tidak tersasar.

"Sejak ringgit ditambat kepada dolar AS, Kadar Pertukaran Efektif Sebenar (REER) ringgit, yang merupakan nilai wajaran perdagangan ringgit berbanding mata wang rakan kongsi dagangan utama kita selepas mengambil kira perubahan dalam inflasi berkaitan rakan kongsi dagangan kita, kadar pergerakan adalah dalam jajaran positif atau negatif tujuh peratus".

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamed memperkenalkan tambatan ringgit bersama dengan kawalan modal ketika kemuncak krisis kewangan Asia pada September 1998.

Dolar diniagakan pada 1.255 berbanding euro dalam pasaran pertukaran asing hari ini.

Menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), dolar kini berada pada AS\$124 berbanding euro, turun sebanyak 16 peratus

daripada
AS\$106.7 setahun lalu.

MIER menyatakan berdasarkan kepada kemerosotan nilai dolar sepanjang tempoh 12 bulan lalu, ringgit kelihatan 15 hingga 20 peratus di bawah nilai.

Sepanjang tempoh Jan 2003 hingga Jan 2004, ringgit turun 17.9 peratus berbanding euro dan 10.2 peratus berbanding yen dan juga turun berbanding mata wang utama lain.

Justeru, beliau berkata, "tambahan ringgit perlu dipertimbangkan dengannya sendiri, dari segi sama ada ia tersasar atau sama ada perubahan struktur telah berlaku."

"Oleh itu, sebenarnya, sekarang ini ia mungkin hanya tiga setengah peratus tersasar daripada nilai keseimbangannya," kata Dr Zeti.

Beliau menyatakan rejim kadar pertukaran yang sesuai adalah satu daripada elemen utama untuk meningkatkan daya tahan negara kepada kejutan luar kerana ekonomi pasaran sedang muncul lemah kepada kejutan antarabangsa yang boleh membawa kesan buruk kepada ekonomi.

Beliau berkata perdagangan dan pelaburan perlu dipermudahkan dengan kadar pertukaran yang stabil dan mencerminkan asas ekonomi, bukan kadar yang mudah ruap dan tidak stabil dan cenderung kepada aliran modal spekulatif.

"Kadar pertukaran sepatutnya tidak dimanipulasi untuk kepentingan sektor yang kecil," kata Dr Zeti.

Ia juga berkata adalah tidak wajar untuk bertindak balas kepada aliran jangka pendek atau menumpukan semata-mata kepada pembangunan dalam kadar pertukaran dua hala.

"Malaysia mempunyai hubungan dagangan dan pelaburan dengan banyak negara. Oleh itu, kita tidak boleh melihat hanya kepada pergerakan sebarang mata wang tertentu sebagai asas bagi menentukan penilaian ringgit yang sewajarnya," tegasnya.

Perspektif jangka panjang kepada dasar kadar pertukaran diambil dengan melihat kepada hubungan antara kadar pertukaran dan asas ekonomi.

Ekonomi Malaysia mempunyai keseimbangan luar dalam bentuk akaun semasa yang mapan dan keseimbangan dari segi kestabilan harga.

"Ini sekali lagi menyokong ringgit untuk mendapatkan nilai yang seimbang," katanya.

Satu lagi pendekatan untuk meningkatkan daya tahan negara adalah binaan

kapasiti dengan mengukuhkan asas ekonomi dan kewangan.

Dr Zeti berkata dasar-dasar yang cermat adalah untuk mempelbagaikan

ekonomi bagi mencapai keseimbangan yang lebih besar antara sumber pertumbuhan dalaman dan luaran, bagi mengelak tumpuan melampau kepada

mana-mana aktiviti dan mengurangkan pergantungan kepada sebarang pasaran

khusus.

Faktor lain yang tidak kurang pentingnya adalah pembangunan institusi

dan rangka kerja institusi yang berdaya tahan. Ini katanya termasuklah

pengenalan institusi swasta dan awam yang kukuh.

"Bagi ekonomi sedang muncul di mana prasarana kewangan masih kurang

membangun, liberalisasi aliran modal yang tidak matang boleh membawa kepada

pengumpulan faktor risiko yang menyebarkan ketidakstabilan dan membawa

kepada krisis kewangan," katanya. -- BERNAMA

PK OS ZK OS